

# Cabaran moral dalam dunia siber

Bm 22/6/08 MYS 11

Jangan sampai adab sopan dan rasa hormat terhadap bloggers dipinggirkan



**S**AYA adalah di antara orang yang percaya pada kebebasan bersuara. Setiap orang mempunyai hak menyatakan pandangan dan membuat kritikan. Satu daripada asas sebuah masyarakat sivil ialah kebebasan media. Malah, amalan demokrasi yang sebenarnya tidak menafikan hak individu untuk menyatakan pendiriannya.

Masyarakat Malaysia sudah melalui transformasi yang luar biasa. Sebahagiannya kerana asakan dunia teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Malah, apabila gelombang ICT mula dirasakan, Malaysia menjadi antara negara yang paling awal 'menyambutnya.' Kerajaan sudah mewujudkan Perbadanan Kemajuan Multimedia (masa itu dikenal sebagai MDC) bagi memacu laluan negara dalam teknologi maklumat. MDC bertanggungjawab merangka program yang dikenal sebagai Koridor Raya Multimedia atau MSC. Saya menjadi seorang daripada Lembaga Pengarah MDC yang awal.

Dalam banyak siri perbincangan, perkara yang selalu dibangkitkan ialah apakah negara membangun seperti kita sudah bersedia membuka diri untuk menerima sepenuhnya ICT? Apakah rakyat kita mampu memanfaatkan ICT sebaiknya dan tidak menyalahgunakannya?

Tumpuan kami pada masa itu hanyalah pada isu yang lebih besar membabitkan aplikasi ICT dalam pentadbiran negara, kesihatan rakyat, pendidikan, perdagangan dan sebagainya. Kami menyedari pada pertengahan tahun 90-an mengenai tsunami maklumat dan ilmu yang mengalir bersama sungai yang dikenal sebagai internet. Pada masa itu, tidak ramai orang yang menjangka kesan dan implikasi internet. Pada masa itu kita sekadar bercakap mengenai kemungkinan, harapan dan rancangan. Masa itu hanya ada tapak web, blog masih belum wujud, mesin carian seperti *Google* dan

*Yahoo* masih belum teruji.

Satu daripada kerisauan kami ialah jurang digital yang akan berlaku di kalangan rakyat. Kami yakin bahawa pemisahan bukan lagi di antara mereka yang berada dan mampu dengan yang tidak tetapi di antara mereka yang menguasai ICT dengan yang tidak. Dunia ilmu, maklumat dan berita akan ditentukan oleh keupayaan dan penguasaan ICT. Dalam dekad 90-an itu, kita belum bercakap mengenai alam siber dan dunia digital seperti yang kita fahamkan hari ini. Kita juga tidak membayangkan pengaruh telefon bimbit dan aplikasinya dalam dunia komunikasi, apa lagi khidmat pesanan ringkas (SMS).

Kerisauan kami mengenai jurang digital itu bukan tidak bersebab. Kami menyedari ada anggota masyarakat yang lebih lembap menerima teknologi. Kami khuatir ada pelajar yang tidak mendapat pendedahan teknologi maklumat. Akan berlaku pemisahan lebih menonjol di antara bandar dengan luar bandar. Dalam beberapa tahun selepas itu kerajaan memantau bilangan pelanggan internet negara ini. Pada tahun 1999 dipercayai secara purata hanya terdapat 25 peratus pelanggan internet di kalangan rakyat. Dari segi jumlah, pada tahun 2000 misalnya hanya terdapat 3.5 juta pengguna internet.

Tetapi tahun 1999 menjadi titik tolak penting bagaimana ICT mengubah pola berkempen dalam pilihan raya. Internet menjadi senjata berkesan bagi penentang kerajaan menyampaikan berita dan maklumat kepada umum. Internet menjadi sumber utama di mana bahan dimuat-turun dan diedarkan secara meluas.

Mangsa sasaran bahan ini ialah Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri (kini Tun) Dr Mahathir Mohamad. Beliau orang yang menjadi arkitek merancang kemasukan Malaysia dalam dunia teknologi maklumat. Beliau orang di belakang MDC dan MSC. Ramai yang mengatakan internet menjadi senjata makan tuan. Isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1998 dan seterusnya Pilihan Raya Umum 1999 adalah ujian pada pendirian kerajaan terhadap ICT.

Kerajaan tidak berganjak. Agenda ICT diteruskan. Malah, disemarak-

kan lagi. Kementerian Pelajaran menjadikannya agenda penting memperkasa sekolah di bawah kelolaannya. Pilihan Raya Umum 2008 sekali lagi memperlihatkan bagaimana internet menjadi wahana menyebar berita dan maklumat. Cuma kali ini, apa yang satu waktu dianggap kecil yakni 'blog' memberikan impak yang tersendiri.

Sama ada pengaruh blog dan mereka di belakangnya, bloggers, di-besar-besarkan itu isu yang lain. Tetapi blog politik ternyata mempunyai kesannya dalam mempengaruhi sebahagian pengundi. Apa yang penting ialah blog tidak lagi boleh diketepikan sebagai alat berkempen yang penting.

Tambahan pula pengguna internet sudah bertambah dengan banyak. Dari jumlah 3.7 juta pengguna pada tahun 2000, pada tahun 2005 terdapat 10 juta pengguna internet. Di ambang Pilihan Raya Umum Ke-12, terdapat 13.5 juta pengguna internet di negara ini. Jumlah ini hampir separuh rakyat negara.

Kita harus sedar bahawa di antara lebih lima bilion tapak web di alam siber hari ini, 70 juta adalah blog. Di Malaysia sendiri, dipercayai terdapat lebih 500,000 bloggers, sebahagiannya berbuat demikian untuk tujuan sosial. Blog politik dan bloggers yang sekali-sekala memberikan pendirian politik dipercayai hanya lima peratus

#### FAKTA NOMBOR

Pengguna internet di Malaysia

**3.7 juta**

Pada tahun 2000

**10 juta**

Pada tahun 2005

**13.5 juta**

Di ambang Pilihan Raya Umum Ke-12

dari bilangan itu. Hanya terdapat kira-kira 50 orang yang dianggap blogger politik yang serius dan sepenuh masa di negara, dari jumlah itu hanya kira-kira 20 orang yang terkenal dan 'digeruni.'

Blog murah dan berkesan. Ia menjadi tarikan generasi muda. Ada pandangan yang mengatakan ketidakyakinan terhadap media arus perdana menyebabkan mereka pergi pada 'media alternatif.' Pada tahun 2004 terdapat 1.4 juta pengundi baru yang layak mengundi, sebahagian besarnya adalah Generasi Starbucks yang mempunyai nilai dan pendirian politik yang sama sekali berbeza dari ibu bapa mereka. Memang benar, blogging adalah fenomena bandar, tetapi hari ini lebih banyak penduduk desa yang mulai mendapat akses pada ICT. Blogging juga akan berkembang di desa kita.

Satu hakikat yang harus diterima ialah bahawa kerajaan berjanji, sejak bermulanya MDC dan MSC, bahawa tidak akan berlaku tapisan internet atau internet censorship. Pada tahun 1998, Akta Komunikasi dan Multimedia secara jelas menyebutkan bahawa kerajaan komited untuk memastikan bahawa tapisan internet tidak akan dilakukan. Ini bermakna dunia siber bebas dan terbuka. Siapa yang menuduh kerajaan mengenakan tekanan ke atas berita dan maklumat yang tersebar harus melihat apa yang terpapar dalam dunia siber hari ini.

Sudah tentulah kebebasan itu relatif. Memang kita harus menerima kebebasan media dan hak untuk bersuara. Tetapi kebebasan itu tidak mutlak. Kebebasan itu harus datang dengan tanggung jawab. Dalam negara pelbagai kaum seperti Malaysia yang harus menangani isu sensitiviti

gara tidak perlu mendaftar bloggers. Tetapi apapun peraturan yang melibatkan akta, peruntukan undang-undang mengenai fitnah atau libel boleh dikenakan pada mereka yang melanggarnya. Tidak ada sesiapa yang berada di atas undang-undang, baik pemimpin, editor, wartawan, juga bloggers.

Lebih penting lagi ialah kebebasan di internet itu seharusnya menjadi titik tolak untuk menunjukkan kematangan rakyat dalam menangani kebebasan. Ini peluang terbaik untuk berdialog cerdas, untuk berhujah secara terbuka dan rasional dan untuk membuktikan bahawa kita memanfaatkan medium itu secara waras dan bijaksana.

Seorang propagandis pada waktu pemerintahan Adolf Hitler di Jerman menyebutkan pembbohongan diulang 10 kali akan menjadi kebenaran. Di dalam internet hari ini, prinsipnya ialah pembbohongan yang muncul, disebarkan 10 kali menjadi kebenaran. Kritikan tidak banyak maknanya lagi. Apa yang muncul selalunya ialah maki hamun dan sumpah seranah dengan bahasa yang kesat dan buruk. Emosi berleluasa dan sentimen menguasai hujah. Ada kalanya pelbagai bahan yang jelas memburuk-buruk dan memfitnah orang lain tersebar secara bebas. Internet menjadi lesen untuk menyebarkan apa saja gambar, bahan dan maklumat yang belum tentu betul dan benar.

Mungkin harus ada etika dalam dunia siber, seperti juga etika kita berkomunikasi sesama manusia. Dunia yang tidak ada adab dan budi bahasa akan menuju ke arah anarki, kehancuran nilai dan tamadun.

Dunia siber sepatutnya cerminan dari ketamadunan itu sendiri. Dunia siber memancarkan pencapaian kita